



14 MAR, 2024

Cuba seludup minyak masak paket subsidi ke negara jiran

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2



JKDM Kelantan mematahkan cubaan menyeludup minyak paket bersubsidi ke negara jiran menerusi serbuan, awal pagi semalam. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

Cuba seludup minyak masak paket subsidi ke negara jiran

Kota Bharu: Cuba seludup minyak masak paket subsidi ke negara jiran melalui pangkalan haram di negeri ini.

Itu tindakan sindiket penyelewengan minyak masak subsidi yang berjaya ditumpaskan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Kelantan selain merampas 10,175 kilogram (kg) minyak masak paket awal pagi kelmarin.

Serbuan jam 4 pagi itu dilakukan JKDM di Jabatan Kampung Kubang Panjang, Tumpat, sebelum dua lelaki tempatan iaitu pemandu lori dan pembantunya berusia awal 30-an diberkas.

Pengarah JKDM Kelan-

tan, Wan Jamal Abdul Salam Wan Long, berkata, pihaknya menjalankan in-tipan selama 14 hari sebelum serbuan dilakukan.

“Hasil siasatan mendapati bekalan minyak masak subsidi bernilai RM20,350 itu dipercayai dibawa dari Ipoh, Perak dan mahu diseludup ke negara jiran.

“Selain bekalan minyak masak, kami turut merampas lori dianggarkan bernilai RM70,000,” katanya sidang media yang turut dihadiri Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan, Azman Ismail di sini, semalam.



14 MAR, 2024

Cuba seludup minyak masak paket subsidi ke negara jiran

Harian Metro, Malaysia



SUMMARIES

Kota Bharu: Cuba seludup minyak masak paket subsidi ke negara jiran melalui pangkalan haram di negeri ini. Itu tindakan sindiket penyelewengan minyak masak subsidi yang berjaya ditumpaskan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Kelantan selain merampas 10,175 kilogram (kg) minyak masak paket awal pagi kelmarin. Serbuan jam 4 pagi itu dilakukan JKDM di Jambatan Kampung Kubang Panjang, Tumpat, sebelum dua lelaki tempatan iaitu pemandu lori dan pembantunya berusia awal 30-an diberkas.